



NOTIS MAKLUMAN

PENGGANTIAN SURAT IRINGAN KETUA JABATAN KEPADA SURAT PENGESAHAN KETUA JABATAN BAGI PERMOHONAN PEMBIAYAAN LPPSA

Selaras dengan Notis Makluman Senarai Semak Baharu Dokumen Permohonan Pembiayaan Perumahan Sektor Awam bertarikh 29 September 2025, **dimaklumkan berkuat kuasa 01 Oktober 2025, semua permohonan pembiayaan LPPSA hendaklah mengguna pakai Surat Pengesahan Ketua Jabatan. Templat Surat Pengesahan Ketua Jabatan ini boleh dimuat turun daripada laman web rasmi LPPSA di (www.lppsa.gov.my) pada menu Pelanggan baru/ Dokumen Berkaitan/ Borang Sokongan Permohonan Pembiayaan atau klik di [pautan ini](#).**

Penambahbaikan ini menekankan kepada peranan Ketua Jabatan/ pegawai yang diwakilkan kuasa oleh Ketua Jabatan dalam memberi pengesahan dan memperakui butiran pegawai di bawah seliaannya selain dapat mencegah isu penipuan atau pemalsuan maklumat/ dokumen permohonan pembiayaan oleh individu yang tidak bertanggungjawab.

Pelanggan dan Ketua Jabatan hendaklah memastikan Surat Pengesahan Ketua Jabatan dilengkapi dengan butiran maklumat yang tepat bagi mengelakkan permohonan dikuiiri atau ditolak oleh LPPSA.

Bagi kelancaran proses peralihan penggantian Surat Iringan Ketua Jabatan kepada Surat Pengesahan Ketua Jabatan, LPPSA akan memproses permohonan pembiayaan yang masih menggunapakai Surat Iringan Ketua Jabatan sehingga 31 Oktober 2025 sahaja. Selepas daripada tarikh tersebut, permohonan pembiayaan yang menggunapakai Surat Iringan Ketua Jabatan akan dikuiiri oleh LPPSA.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

30 SEPTEMBER 2025